

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Kesusasteraan Tamil 9217/1 ini mengandungi dua bahagian. Setiap bahagian mengandungi enam soalan daripada tiga topik yang terdiri dari novel, drama dan puisi. Masa yang diperuntukkan ialah dua jam tiga puluh minit. Calon dikehendaki menjawab 3 soalan dari bahagian I dan 3 soalan dari bahagian II.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon bagi mata pelajaran ini adalah memuaskan. Jawapan pelajar dari kumpulan pencapaian tinggi menunjukkan bahawa ada kematangan dalam penyampaian idea. Sebilangan pelajar memberikan jawapan yang tepat dan padat. Jawapan calon dari golongan pencapaian sederhana dan rendah haruslah diperbaiki lagi kerana kualiti jawapan calon ini adalah kurang memuaskan. Kelemahan ini adalah berpunca dari kurang membaca buku teks yang harus dibaca.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Jawapan calon dalam kumpulan pencapaian tinggi adalah sangat tepat lagi padat. Jawapan menepati isi kandungan buku teks.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini memberikan jawapan yang memuaskan. Fakta yang diberikan kurang relevan tetapi memenuhi kehendak peraturan pemarkahan.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon mengemukakan jawapan yang sangat ringkas. Jawapan tidak menepati kehendak soalan.

PRESTASI TERPERINCI**Bahagian I – Soalan berbentuk konteks****Soalan 1**

Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawab dengan baik.

Soalan 2

Calon yang memilih soalan ini juga menjawab dengan baik.

Soalan 3

Soalan ini telah dipilih oleh ramai calon. Jawapan juga sangat baik.

Soalan 4

Tidak ramai calon memilih soalan ini. Calon yang memilih telah menjawab dengan baik.

Soalan 5

Calon yang memilih soalan ini telah menjawabnya dengan memuaskan.

Soalan 6

Soalan ini dipilih oleh ramai calon. Jawapan calon adalah agak baik.

Bahagian II – Soalan berbentuk esei**Soalan 7**

Ramai calon memilih soalan ini berbanding dengan soalan 8. Calon yang memilih soalan ini telah menjawab dengan sangat baik.

Soalan 8

Hanya segelintir calon cuba menjawab soalan ini. Calon yang menjawab juga tidak menjawab dengan baik.

Soalan 9

Hanya beberapa calon sahaja cuba menjawab soalan ini. Calon yang menjawab soalan ini tidak dapat menjawab dengan tepat dan padat.

Soalan 10

Ramai calon menjawab soalan ini. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan begitu tepat dan lengkap.

Soalan 11

Sebahagian calon menjawab soalan ini. Soalan puisi ini telah dijawab dengan baik.

Soalan 12

Ramai calon menjawab soalan ini. Sama seperti soalan 11, calon yang memilih soalan puisi ini dapat menjawab dengan tepat dan padat.

SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan bacaan.
2. Banyakkan latihan.
3. Menguasai teknik menjawab soalan.
4. Cuba gunakan perkataan atau ayat sendiri semasa menjawab.
5. Semua teks termasuk novel, drama dan puisi yang perlu dibaca mesti dibaca sepenuhnya.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru mesti menggalakkan pelajar membaca semua teks sastera.
2. Guru harus memberi latihan yang kerap supaya pelajar membiasakan diri untuk menjawab soalan esei dan konteks.
3. Guru harus memeriksa dan menunjukkan teknik menjawab soalan yang betul.
4. Mendorong pelajar mengadakan perbincangan supaya mudah menguasai aspek-aspek seperti watak dan perwatakan, plot, tema cerita, persoalan, latar, nilai, pengajaran dan sebagainya.
5. Sentiasa adakan sesi soal-jawab di antara guru dengan pelajar supaya pelajar dapat memahami teks dengan lebih jelas.
6. Pelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran supaya pelajar berminat belajar mata pelajaran ini.